

27 MAR 1998

HABIBIE TIBA ESOK BAGI LAWATAN SEHARI

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Naib Presiden Indonesia B.J.Habibie akan singgah di sini, esok, bagi lawatan sehari dalam perjalanan ke Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London.

Habibie akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Setiausaha Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Selatan, Kementerian Luar, Mohd Arshad Hussain hari ini.

Ini merupakan lawatan pertama Habibie ke Malaysia sejak beliau memegang jawatan Naib Presiden Indonesia awal bulan ini.

Habibie mewakili Suharto di Asem yang berlangsung dari 2 hingga 4 April yang juga akan dihadiri oleh Dr Mahathir. -- BERNAMA

TCL PR